



---

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
SOLAT BERJEMAAH, SOLAT TARAWIH DAN SOLAT SUNAT HARI RAYA  
SERTA AKTIVITI KEROHANIAN DI INSTITUSI WARGA EMAS  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

---

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
SOLAT BERJEMAAH, SOLAT TARAWIH DAN SOLAT SUNAT HARI RAYA  
SERTA AKTIVITI KEROHANIAN DI INSTITUSI WARGA EMAS  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

---

## **TUJUAN**

Garis Panduan Pelaksanaan Solat Berjemaah, Solat Tarawih dan Solat Sunat Hari Raya serta Aktiviti Kerohanian Di Institusi Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) disediakan sebagai panduan kepada pengurusan institusi untuk melaksanakan Solat Berjemaah dan Solat Sunat Hari Raya serta menjalankan Aktiviti Kerohanian dalam tempoh PKPB akibat penularan wabak COVID-19.

## **LATAR BELAKANG**

2.1 Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali pertama bermula pada 18 hingga 31 Mac 2020 sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 setelah pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengkategorikan penularan COVID-19 sebagai pandemik pada 12 Mac 2020. Walau bagaimanapun disebabkan peningkatan kes positif COVID-19 di seluruh negara, Kerajaan memutuskan untuk melanjutkan PKP kali ke 4 dari 29 April 2020 hingga 12 Mei 2020. Hasil daripada penguatkuasaan PKP, jumlah kes positif COVID-19 di negara ini telah menurun dan menampakkan hasil yang positif.

2.2 Berdasarkan perkembangan semasa COVID-19, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 4 Mei 2020. PKPB membenarkan sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial

digerakkan semula, kecuali beberapa aktiviti yang melibatkan perhimpunan ramai dan mendedahkan orang awam kepada risiko jangkitan wabak COVID-19 masih tidak dibenarkan.

2.3 Memandangkan PKPB memberi sedikit kelonggaran secara berperingkat dengan garis panduan tertentu, maka satu garis panduan Pelaksanaan Solat Berjemaah dan Solat Sunat Hari Raya serta Aktiviti Kerohanian disediakan bagi tujuan pelaksanaan dengan mengambil kira mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 kembali meningkat.

### **3. PELAKSANAAN SOLAT BERJEMAAH, SOLAT TARAWIH DAN SOLAT SUNAT HARI RAYA SERTA AKTIVITI KEROHANIAN**

3.1 Kebenaran pelaksanaan Solat Berjemaah, Solat Tarawih dan Solat Sunat Hari Raya di Institusi Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah **tertakluk kepada arahan Majlis/Jabatan Agama Islam di negeri masing-masing**.

3.2 Selaras dengan ketetapan kerajaan dalam pelaksanaan PKPB dan dengan meraikan taklimat keselamatan dan kesihatan yang diberikan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), berikut merupakan Garis Panduan Pelaksanaan Solat Berjemaah, Solat Tarawih dan Solat Sunat Hari Raya serta Aktiviti Kerohanian di Institusi Warga Emas sepanjang tempoh PKPB. Garis Panduan ini diguna pakai sebagai panduan umum kepada Institusi yang telah mendapat kebenaran daripada Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri. Dalam pada itu, bagi mendapatkan panduan terperinci berkaitan pelaksanaan Solat Berjemaah, Solat Tarawih dan Solat Sunat Hari Raya, institusi boleh merujuk kepada Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
<b>PENGURUSAN JEMAAH</b>			
A.	<b>BILANGAN JEMAAH DIBENARKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i- Bilangan Jemaah dibenarkan bagi Solat Berjemaah, Solat Tarawih dan Solat Sunat Hari Raya <b>antara tiga (3) orang hingga 12 orang</b> termasuk imam dalam satu satu masa. Walau bagaimanapun, <b>penetapan had jumlah jemaah, setiap Institusi hendaklah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing;</b></li> <li>ii- Bagi penghuni lain, mereka hendaklah menunaikan solat di bilik asrama masing-masing;</li> <li>iii- <b>Jemaah yang mengidap penyakit kronik, warga emas yang berumur 70 tahun ke atas tidak dibenarkan hadir;</b></li> <li>iv- <b>Jemaah yang yang telah disahkan positif Covid-19 atau baru sembuh daripada Covid-19 atau mereka yang dalam kategori <i>Patient Under Investigation</i> (PUI) atau <i>Person Under Surveillance</i> (PUS) tidak dibenarkan hadir; dan</b></li> </ul>	<b>PKMN/PKMD/ PENGUASA/ PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM</b>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
		v- Jemaah yang mempunyai gejala seperti demam, sesak nafas, sakit tekak dan selsema tidak dibenarkan hadir.	
B.	SEBELUM SOLAT	i- Mengadakan kaunter di pintu masuk surau yang dihadkan bilangannya bagi <b>memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran Jemaah;</b> ii- Melakukan <b>sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya</b> termasuk tandas dan ruang wudhu' sebelum dan selepas solat dilaksanakan; iii- Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa; iv- <b>Kehadiran direkodkan</b> dalam buku kehadiran; v- Pintu surau dibuka hanya sejam sebelum azan dan ditutup selepas selesai doa dibacakan; vi- Melaksanakan <b>penjarakan sosial</b> (social distancing) di dalam dan luar surau;	<b>PKMN/PKMD/            PENGUASA/            PEMBANTU            HAL EHWAL            ISLAM</b>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
B.	SEBELUM SOLAT	<p>vii- Cara masuk dan keluar surau mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan terkawal;</p> <p>viii- Memastikan aliran pengudaraan di dalam ruang solat dengan membuka semua jendela dan menggunakan kipas angin;</p> <p>ix- Pemeriksaan suhu badan bagi setiap Jemaah adalah wajib bagi memastikan hanya yang <b>sihat sahaja hadir</b>;</p> <p>x- Jemaah yang mengidap <b>penyakit kronik, warga emas yang berumur 70 tahun ke atas</b>;</p> <p>xi- Jarak antara ahli Jemaah adalah sejauh <b>1 meter (wajib pakai face mask)</b> antara satu sama lain;</p> <p>xii- Kedudukan Jemaah ditanda lebih awal;</p> <p>xiii- Mengumumkan bahawa solat sunat <i>qabliyah</i> dan <i>ba'diyyah</i> tidak dibenarkan.</p>	<p><b>PKMN/PKMD/ PENGUASA/ PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM</b></p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
		i- Semua ahli Jemaah yang hadir hendaklah mengambil wudhu' dan membawa sejadah masing-masing sebelum hadir ke surau; dan  ii- Pengidap penyakit kronik, warga emas yang berumur 70 tahun ke atas tidak dibenarkan hadir berjemaah di surau.	<b>JEMAAH</b>
<b>C.</b>	<b>SEMASA SOLAT</b>	i- Laungan azan hendaklah terus dikumandangkan di surau institusi bagi menandakan masuk waktu solat fardhu lima waktu;  ii- <b>Pelaksanaan Solat</b> Berjemaah dan Solat Sunat Hari Raya <b>tidak melebihi 15 minit;</b>  iii- Jemaah mengambil tempat yang ditanda dalam surau;  iv- <b>Khutbah</b> bagi Solat Sunat Hari Raya dibacakan selama <b>maksima 15 minit;</b>  v- Teks Khutbah hendaklah dipendekkan dan diringkas sebaik mungkin dengan menjaga rukun yang asal;	<b>PKMN/PKMD/ PENGUASA/ PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM</b>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
C.	SEMASA SOLAT	<ul style="list-style-type: none"> <li>vi- Setiap Jemaah hendaklah memastikan jarak satu (1) meter antara Jemaah dipatuhi;</li> <li>vii- Bagi <b>penggunaan pembesar suara</b> bagi Solat Sunat Hari Raya dan Takbir Hari Raya, Institusi hendaklah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.</li> <li>viii- Tidak melibatkan pihak luar/imam jemputan;</li> <li>ix- Imam digalakkan membaca surah pendek atau ayat yang pendek;</li> <li>x- Imam meringkaskan bacaan wirid dan doa.</li> </ul>	<p><b>PKMN/PKMD/ PENGUASA/ PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM</b></p>
D.	SELEPAS SOLAT	<ul style="list-style-type: none"> <li>i- Jemaah dipastikan terus bersurai dalam keadaan tenang;</li> <li>ii- Tiada perkumpulan dibenarkan selesai solat sama ada di dalam atau di luar surau;</li> </ul>	<p><b>PKMN/PKMD/ PENGUASA/ PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM</b></p>



BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
D.	SELEPAS SOLAT	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii- Surau ditutup dengan kadar segera bagi mengelakkan ahli Jemaah yang berkumpul;</li> <li>iv- Pihak pengurusan institusi diwajibkan membuat rondaan dan pemeriksaan di dalam, di luar dan sekitar perkarangan surau untuk memastikan Jemaah terus balik ke bilik asrama masing-masing;</li> <li>v- Tidak dibenarkan berpusu-pusu di pintu dan tidak digalakkan memegang pintu atau pagar; dan</li> <li>vi- Memastikan bilangan petugas keselamatan mencukupi bagi mengawal dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.</li> </ul>	<p><b>PKMN/PKMD/ PENGUASA/ PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM</b></p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>i- Jemaah bersurai dalam keadaan tenang melalui pintu keluar yang ditetapkan sambil mematuhi jarak sosial melalui pintu keluar yang telah ditetapkan;</li> <li>ii- Tidak bersalaman sepanjang berada di surau. Para Jemaah hendaklah terus pulang ke asrama dan tidak berkumpul di luar setelah selesai solat.</li> </ul>	<p><b>JEMAAH</b></p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
<b>PELAKSANAAN AKTIVITI KEROHANIAN</b>			
<b>A.</b>	<b>AKTIVITI KEROHANIAN</b>	<p>Aktiviti kerohanian seperti Kelas Fardhu Ain, Tadarus, Tahsin Al-Quran, Kelas Tajwid, Halaqah Zikir dan lain-lain aktiviti yang berkaitan boleh terus dilaksanakan dalam tempoh PKPB mengikut kreativiti dan kesesuaian lokasi, masa dan tahap kesihatan penghuni di institusi dengan sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti berikut :</p> <p>a) Sebelum memulakan aktiviti, perlu memastikan tenaga pengajar dan penghuni menjalani <b>pemeriksaan suhu badan</b> dan direkodkan dalam rekod kehadiran. Individu yang telah disahkan positif Covid-19 atau baru sembuh daripada Covid-19 atau mereka yang dalam kategori <i>Patient Under Investigation</i> (PUI) atau <i>Person Under Surveillance</i> (PUS);</p> <p>b) Individu yang mempunyai gejala seperti demam, sesak nafas, sakit tekak dan selsema tidak dibenarkan hadir bagi melaksana atau mengikuti aktiviti tersebut;</p>	<b>PKMN/PKMD/ PENGUASA/ PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM</b>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
A.	AKTIVITI KEROHANIAN	<p>c) Melaksanakan <b>penjarakan sosial</b> (social distancing) dan <b>wajib pakai <i>face mask</i></b> sepanjang pelaksanaan aktiviti dijalankan;</p> <p>d) Mengamalkan <b>sanitasi tangan</b>;</p> <p>e) <b>Menggalakkan aktiviti secara individu (Door to door)</b> dan <b>mengurangkan aktiviti secara berkumpulan</b>, walau bagaimanapun jika perlu, <b>laksanakan aktiviti dalam kumpulan kecil sahaja (5-10 orang)</b> dengan mengamalkan penjarakan sosial yang selamat sekurang-kurangnya 1 meter, lokasi yang selamat dan tempoh masa aktiviti adalah <b>tidak melebihi 45 minit</b>; dan</p> <p>f) <b>Tidak dibenarkan menjemput penceramah dari luar</b>. Walau bagaimanapun jika perlu, surat pengesahan ujian saringan COVID-19 hendaklah dikemukakan kepada penguasa. Menggunakan khidmat penceramah secara optima (penceramah tidak boleh diganti dengan penceramah lain kecuali dengan kebenaran penguasa).</p>	PKMN/PKMD/ PENGUASA/ PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
B.	PROGRAM HARI KEBESARAN ISLAM	Sebarang bentuk program hari kebesaran Islam tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPB.	PKMN/PKMD/ PENGUASA/ PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM
<p><b>PERINGATAN :</b> Jika ada jemaah disyaki atau disahkan positif COVID-19, surau tersebut perlu melakukan proses sanitasi penuh dan jemaah lain yang hadir pada hari berkenaan perlu melakukan saringan mengikut prosedur KKM.</p>			

#### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 24 Mei 2020 bersamaan 1 Syawal 1441H kepada semua Institusi Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**KETUA PENGARAH  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

21 Mei 2020

28 Ramadhan 1441H